

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



LAPORAN KURSUS ASAS PENGURUSAN DOKUMEN TERHAD, SULIT, RAHSIA DAN RAHSIA BESAR


*Ditulis oleh: Ahmad Azman Bin Mohamad
Ramli*

Pada tarikh 14 Mac 2024, bersamaan pada hari Khamis, bermula pada pukul 9 pagi sehingga pukul 10.45 pagi, Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau telah menganjurkan satu kursus secara dalam talian yang bertajuk Kursus Asas Pengurusan Dokumen Terhadap, Sulit, Rahsia dan Rahsia Besar. Penceramah kursus ialah Encik Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli, Pensyarah Kanan daripada Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.



Gambar 1: Poster infografik kursus

Program ini terbuka kepada semua warga kerja Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, yang bertugas di Kampus Rembau, Kampus Seremban dan Kampus Kuala Pilah. Seramai lebih daripada 100 peserta telah menghadiri kursus ini dengan jayanya.



Gambar 2: Penceramah dan peserta kursus bergambar ramai selepas ceramah berakhir

Di dalam kursus ini, penceramah telah memberikan pendedahan asas kepada para peserta tentang definisi dokumen terhadap, sulit, rahsia dan rahsia besar serta kaedah-kaedah terbaik untuk mengurusnya berdasarkan Buku Arahan Keselamatan Kerajaan Pindaan Tahun 2017. Penceramah juga telah berkongsi maklumat kepada para peserta tentang akibat-akibat buruk jika dokumen-dokumen ini tidak diurus mengikut arahan yang ditetapkan.

Kesimpulannya, berdasarkan daripada jumlah kehadiran peserta yang ramai serta

maklum balas positif daripada mereka, boleh disimpulkan bahawa kursus ini telah mencapai objektif yang ditetapkan serta sangat wajar diteruskan pada masa hadapan.

